

# JPS mahu bina pagar dekat kunci air KOSMO 9/11

KUALA LUMPUR - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor akan mengkaji keperluan membina pagar di kawasan kunci air dekat Taman Pangkalan Batu.

Pembantu Teknik JPS Klang, Jamaludin Sharif, berkata kawasan itu sebenarnya bukan laluan utama malah orang ramai sepatutnya tidak menggunakan kawasan itu sebagai jalan.

Menurut beliau, pihaknya juga sudah lama menempatkan seorang penjaga untuk bertanggungjawab menjaga kawasan kunci air tersebut.

"Pihak kami sentiasa mengawal selia kunci air itu malah pondok penjaga turut ditempatkan di situ," katanya ketika dihubungi *KOSMO!* semalam.

Beliau mengulas laporan *KOSMO!* kelmarin mengenai kebimbangan penduduk di situ mengenai lubang air sedalam tiga meter yang tidak berpagar.

Ujarnya lagi setelah menerima laporan tersebut, pegawai dari JPS dihantar untuk menjalankan siasatan mengenai dakwaan penduduk di situ.